



## **KENYATAAN UMUM**

### **KEMUDAHAN AKTIVITI PERLESENAN DAN PENGUATKUASAAN LEMBAGA PERLESENAN TENAGA ATOM SEPANJANG TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN PEMULIHAN**

---

Berdasarkan perutusan khas YAB Perdana Menteri Malaysia pada 7 Jun 2020 berhubung dengan perlaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) yang bermula pada 10 Jun 2020 sehingga 31 Ogos 2020, Lembaga Perlesenan Tenaga Atom (LPTA) terus komited untuk memberikan beberapa kemudahan berkaitan aktiviti perlesenan dan penguatkuasaan untuk memfasilitasikan pihak industri dan pemegang lesen sepanjang tempoh PKPP ini.

Kemudahan yang disediakan adalah seperti berikut:

- a) Membenarkan penggunaan meter tinjau (*survey meter*) yang telah tamat tempoh sah tentukuran dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) untuk terus digunakan sepanjang tempoh PKPB dan kebenaran ini turut dilanjutkan sehingga 7 Ogos 2020 bagi membolehkan pemegang lesen mengambil tindakan yang sewajarnya untuk menyediakan meter tinjau yang sah tentukuran;

- b) Membenarkan penggunaan peralatan sinaran yang telah tamat tempoh sah senggaraan dalam tempoh PKPB untuk terus digunakan sepanjang tempoh PKPB dan kebenaran ini turut dilanjutkan sehingga 24 Julai 2020 bagi membolehkan pemegang lesen mengambil tindakan yang sewajarnya untuk menyediakan peralatan sinaran yang sah senggaraan;
- c) Membenarkan penggunaan peralatan sinaran yang telah tamat tempoh sah sijil ujian kebocoran dalam tempoh PKPB untuk terus digunakan sepanjang tempoh PKPB dan kebenaran ini turut dilanjutkan sehingga 24 Julai 2020 bagi membolehkan pemegang lesen mengambil tindakan yang sewajarnya untuk menyediakan peralatan sinaran yang mempunyai sijil ujian kebocoran yang sah;
- d) Membenarkan penggunaan alat pemantauan kakitangan dan alat pemantauan tempat kerja yang dipasang pada peralatan sinaran yang digunakan bagi bulan Mac, April dan Mei 2020 untuk terus digunakan sehingga Jun 2020;
- e) Mempertimbangkan pengiktirafan semula untuk tempoh satu (1) tahun Pegawai Perlindungan Sinaran (PPS) / Penyelia (PY) / Pengendali Perunding (PP) / Pengendali Perunding Bebas (PPB) yang telah tamat tempoh sah pengiktirafan dalam tempoh PKPB walaupun mata CEP tidak mencukupi dan kelonggaran diberi bagi pengiktirafan PPS/ PY yang tamat tempoh sehingga 7 Ogos 2020;
- f) Mana-mana PPS/PY yang telah diberikan pengiktirafan semula semasa PKPB dengan kelonggaran pemeriksaan perubatan yang melebihi tiga (3) tahun hendaklah melakukan pemeriksaan perubatan dengan segera dalam tempoh PKPP;

- g) Memberikan kelonggaran kepada syarat pembaharuan lesen berkaitan kalibrasi meter tinjau iaitu boleh dipertimbangkan pembaharuan lesen bagi meter tinjau yang tamat kalibrasi sehingga 7 Ogos 2020;
- h) Selari dengan prinsip penjarakan sosial yang ditekankan oleh Kerajaan, LPTA mengalakkan pusat latihan untuk menjalankan Kursus Kesedaran Perlindungan Sinaran (*Radiation Safety Awareness Program*) secara atas talian berdasarkan silibus kursus yang telah diiktiraf oleh LPTA.

LPTA berharap agar kemudahan yang disediakan ini dapat meringankan beban dan membantu pihak industri dan pemegang lesen dalam operasi harian yang berkaitan aktiviti tenaga atom sepanjang tempoh PKPP dikuatkuasakan. Sila ambil perhatian bahawa pemegang lesen adalah kekal tertakluk kepada peruntukan undang-undang di bawah Akta Perlesenan Tenaga Atom 1984 (Akta 304) serta peraturan-peraturan subsidiari yang dibuat di bawahnya sepanjang masa.

LPTA turut menyeru dan mengingatkan agar semua pihak bersama-sama memainkan peranan dalam membendung penularan wabak COVID-19 di negara ini.

Sekian, terima kasih.

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT**  
**LEMBAGA PERLESENAN TENAGA ATOM**  
Dikemaskini 11 Jun 2020 @ 11.30 malam